

02 OCT 1997

Mahathir-Uruguay

MAHATHIR GESA HUBUNGAN LEBIH ERAT ANTARA RANTAU

Oleh: Syed Jamil Jaafar

MONTEVIDEO, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan bagi pengwujudan hubungan dan interaksi yang lebih erat antara Asean dan kumpulan serantau Amerika Latin MERCUSOR.

Katanya hubungan sedemikian antara rantau akan membantu memelihara sistem perdagangan sedunia daripada berpecah menjadi blok perdagangan eksklusif.

"Ini penting kerana terdapat mereka yang cenderung memikirkan hanya dari segi negara mereka sendiri, mereka yang hanya melihat rantau lain sebagai pasaran untuk dieksploit dan dikuasai," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berucap pada jamuan malam yang dianjurkan Presiden Uruguay Julio Maria Sanguinetti.

Dr Mahathir tiba pada tengah hari dari Santiago, Chile untuk lawatan sehari sebagai sebahagian daripada siri lawatan beliau ke empat negara Amerika Latin. Negara pertama yang dilawati beliau ialah Cuba dan beliau akan berlepas ke Argentina esok.

Perdana Menteri berkata dunia telah menjadi terlalu kecil bagi negara-negara untuk berundur di belakang blok-blok ekonomi tertutup yang diketuai para pemimpin yang berkuasa menentukan segalanya.

Beliau berharap MERCUSOR dan Asean akan membantu membina jambatan perdagangan, kerjasama ekonomi dan saling membantu antara Amerika Latin dan Asia.

"Banyak yang kita boleh tawarkan kepada satu sama lain dari segi teknologi, pasaran, sokongan dan penyelarasan di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai setiausaha penaja bagi MERCUSOR, Uruguay boleh membantu meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi.

"Berdasarkan lokasinya di tengah-tengah MERCUSOR, perhubungan dan infrastruktur lain yang baik, Uruguay paling sesuai untuk menawarkan pelabur dan pengusaha dari Asia Timur peluang bagi menceburi satu pasaran yang merentasi sempadan," katanya.

Uruguay dengan jumlah penduduk hanya 3.2 juta, bersempadan dengan Brazil dan Argentina, dua gergasi Amerika Selatan. KDNK per kapitanya kira-kira US\$7,600 tetapi inflasi adalah tinggi (35 peratus pada 1995). Negara ini kaya dari segi pertanian dan mempunyai potensi besar dalam tenaga hidro.

Dr Mahathir yang telah mengadakan lawatan kerja sampingan ke Montevideo semasa melawat Argentina tiga tahun lepas telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Sanguinetti petang ini.

Beliau akan menerima kunci untuk bandaraya Montevideo daripada Datuk Bandar Nariano Arana Sanchez esok. -- BERNAMA

SJ RON